

PEMBAYARAN TERHADAP AKTIVITI/PROGRAM MELALUI AKAUN PEJABAT DAERAH

PEJABAT DAERAH HULU TERENGGANU

PEJABAT DAERAH SETIU

PEJABAT DAERAH KEMAMAN

OBJEKTIF PENGAUDITAN



Untuk menentukan sama ada pembayaran melalui Akaun Pejabat Daerah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan Garis Panduan Pengendalian Akaun Pejabat Daerah dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.



**JUMLAH SEMAKAN
PEMBAYARAN
RM11.99 JUTA**

APA YANG SEPATUTNYA



Perbelanjaan selaras dengan matlamat/tujuan peruntukan.



Perbelanjaan program mendapat kelulusan.

APA YANG BERLAKU

Program Asal Tidak Dilaksanakan



Perubahan program



RM12,200

> Pembayaran dibuat tanpa kelulusan

KESAN



**PEMBAYARAN
TIDAK TERATUR**

RM12,200

RUMUSAN AUDIT



Kelemahan dalam pelaksanaan pembayaran melalui Akaun Pejabat Daerah di PDHT.

**2 SYOR
AUDIT**

PEJABAT DAERAH HULU TERENGGANU

PEJABAT DAERAH SETIU

PEJABAT DAERAH KEMAMAN

1. PEMBAYARAN TERHADAP AKTIVITI/PROGRAM MELALUI AKAUN PEJABAT DAERAH

FAKTA UTAMA

	Peruntukan diterima tahun 2021	Pembayaran yang telah dibuat bagi tahun 2021
PEJABAT DAERAH HULU TERENGGANU	RM3.45 Juta	RM3.15 Juta (91.3%)
PEJABAT DAERAH SETIU	RM2.64 Juta	RM2.50 Juta (94.7%)
PEJABAT DAERAH KEMAMAN	RM13.40 Juta	RM12.41 Juta (92.6%)

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pengurusan Akaun Pejabat Daerah (APD) yang dahulunya dikenali sebagai Akaun Khas (Out-Right Grant) dilaksanakan mulai tahun 1993. Pelaksanaannya berdasarkan kepada Garis Panduan Pengendalian Akaun Khas Peruntukan Secara *Out-Right Grant* di bawah Peruntukan B32 OS 42000 yang selaras dengan peruntukan Arahan Perbendaharaan (AP) 143. Garis panduan ini telah dikemas kini pada 1 Januari 2020.

1.2. Tujuan APD adalah bagi memudahkan Ketua Jabatan Pejabat Daerah menyimpan sebarang hasil/terimaan/bantuan kewangan dan peruntukan bagi pelaksanaan sesuatu program dengan lebih selamat. Program yang akan dilaksanakan menggunakan kewangan APD ini telah diambil kira dalam bajet tahunan jabatan seperti Pekan Budaya, Majlis Tilawah Al-Quran, Sambutan Maulidur Rasul, Program Gotong-royong, lawatan sambil belajar dan program-program lain atau aktiviti yang telah diluluskan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (PPNT). Penyaluran peruntukan ke akaun ini adalah tanpa had.

1.3. Sumber peruntukan bagi APD adalah daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (SUK) dan Kerajaan Persekutuan seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang menyalurkan peruntukan melalui Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN). Selain itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) juga menyalurkan peruntukan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK)

manakala Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menyalurkan peruntukan di bawah pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020).

1.4. Satu jawatankuasa telah ditubuhkan bagi mengelolakan APD yang terdiri daripada seorang Pegawai Daerah, seorang Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta seorang Pegawai Kumpulan Sokongan. Bagi tahun 2021, peruntukan yang diterima sejumlah RM3.45 juta bagi Daerah Hulu Terengganu, RM2.64 juta bagi Daerah Setiu dan RM13.40 juta bagi Daerah Kemaman. Pembayaran telah dibuat bagi ketiga-tiga daerah masing-masing berjumlah RM3.15 juta, RM2.50 juta dan RM12.41 juta.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menentukan sama ada dengan pembayaran melalui APD dilaksanakan dengan teratur selaras Garis Panduan Pengendalian Akaun Pejabat Daerah dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dijalankan di tiga daerah iaitu Pejabat Daerah Hulu Terengganu (PDHT), Pejabat Daerah Setiu (PDS) dan Pejabat Daerah Kemaman (PDK) terhadap pembayaran melalui Akaun Pejabat Daerah bagi tahun 2021. Pemilihan ketiga-tiga pejabat daerah tersebut dibuat berdasarkan penilaian risiko dan jumlah peruntukan yang tinggi. Semakan dibuat ke atas sampel pembayaran tahun 2021 berjumlah RM11.99 juta (66.4%) melibatkan 37 daripada keseluruhan 49 program (RM18.06 juta) yang telah dijalankan di tiga daerah berkenaan. Pemilihan sampel pembayaran bagi program yang dianjurkan adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PEMBAYARAN BAGI PROGRAM YANG DIANJURKAN

BIL.	PEJABAT	POPULASI		SAMPEL		
		BIL. PROGRAM	JUMLAH PEMBAYARAN (RM Juta)	BIL. PROGRAM DISEMAK	JUMLAH PEMBAYARAN (RM Juta)	PERATUS (%)
1.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	12	3.15	12	3.15	100.0
2.	Pejabat Daerah Setiu	18	2.50	13	2.16	86.4
3.	Pejabat Daerah Kemaman	19	12.41	12	6.68	53.8
JUMLAH		49	18.06	37	11.99	66.4

Sumber: Penyata Baki Peruntukan bagi Bulan Disember 2021, PDHT, PDS dan PDK

3.2. Kaedah pengauditan meliputi semakan terhadap rekod dan dokumen berkaitan program yang dilaksanakan menggunakan peruntukan APD. Di samping itu, sesi temu bual dengan pegawai yang terlibat dan pemeriksaan fizikal turut dijalankan untuk mengesahkan maklumat yang diperolehi daripada proses semakan yang telah dijalankan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan Februari sehingga Julai 2022. Maklum balas daripada PDS telah diterima pada 10 Ogos 2022, manakala PDHT dan PDK telah diterima pada 11 Ogos 2022. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 17 Ogos 2022 dengan ketiga-tiga pejabat daerah tersebut bersama Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

4.1. Pelaksanaan Program Tanpa Kelulusan Sejumlah RM12,200

4.1.1. Perenggan 3.2(iv) dalam Garis Panduan Pengendalian APD menyatakan, pemberian secara terus akan diluluskan bagi pembiayaan dan penganjuran acara khusus seperti Pekan Budaya atau aktiviti yang telah diluluskan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (PPNT). Manakala perenggan 5.2 (g) menyatakan, baki buku tunai induk yang masih wujud dalam akaun semasa bagi sesuatu program yang telah disempurnakan sepenuhnya boleh dibelanjakan untuk pelaksanaan program lain dengan mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri (PKN).

4.1.2. Pekan Budaya merupakan program tahunan dengan tujuan untuk mendekatkan komuniti setempat dengan agensi-agensi kerajaan yang terdapat di sekitar daerah. PDHT telah menerima pelantikan dari Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (JPLNT) sebagai pengurus acara bagi program Pekan Budaya Daerah Hulu Terengganu tahun 2020. Bagi tujuan tersebut, JPLNT telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM40,000 yang berpandukan kepada kertas cadangan program yang dikemukakan oleh PDHT bertarikh 15 Disember 2019.

4.1.3. Semakan Audit mendapati **program Pekan Budaya tidak dilaksanakan, sebaliknya pihak PDHT telah menjalankan dua program lain berjumlah RM12,200 dengan menggunakan peruntukan program tersebut. Bagaimanapun, tiada permohonan dibuat dan tiada kelulusan bertulis daripada JPLNT dan PKN. Semakan lanjut Audit mendapati senarai peserta program adalah terdiri daripada pegawai/kakitangan PDHT dan tiada penyertaan daripada komuniti setempat.** Maklumat lanjut pembayaran program adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PROGRAM DAN BENGKEL MENGGUNAKAN
PERUNTUKAN PEKAN BUDAYA 2020 DILAKSANAKAN TANPA KELULUSAN

BIL.	NO. BAUCAR/ TARIKH	NO. CEK/ TARIKH	PERIHAL PEMBAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	BC 03/2020/ 11.01.2021	735994/ 11.01.2021	Pembayaran pakej penginapan, makan minum, alat tulis, penceramah dan publisiti untuk Kursus Bengkel Kebudayaan dan Jelajah Tasik Kenyir Tahun 2020	9,625
2.	BC 18/2021/ 29.03.2021	736010/ 29.03.2021	Bayaran pendahuluan perbelanjaan Program Explorasi Bukit Jalin Daerah Hulu Terengganu Tahun 2021 Anjuran Bersama Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu	2,575
JUMLAH				12,200

Sumber: Baucar Bayaran PDHT dan Fail Jawatankuasa Pelaksanaan Pekan Budaya Daerah Hulu Terengganu

4.1.4. Pihak PDHT menjalankan Bengkel Kebudayaan dan Jelajah Tasik Kenyir serta Program Eksplorasi Bukit Jalin bagi memanfaatkan peruntukan yang diberikan. Hal ini disebabkan Program Pekan Budaya Daerah Hulu Terengganu tahun 2020 tidak dapat dilaksanakan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun 2020.

4.1.5. Kesannya, peruntukan yang disalurkan tidak mencapai matlamat program dengan melibatkan komuniti setempat selaras dengan tujuan program menyebabkan pembayaran tidak teratur sejumlah RM12,200.

Maklum Balas PDHT pada 11 Ogos 2022

- Kursus Bengkel Kebudayaan dan Jelajah Tasik Kenyir Tahun 2020

Selain daripada pegawai-pegawai PDHT, peserta yang turut hadir ke Bengkel Kebudayaan dan Jelajah Tasik adalah Penolong Pegawai Kebudayaan Belia Sukan dan NGO, Penghulu Mukim serta fasilitator kursus daripada Kelab Rekreasi Daerah Hulu Terengganu.

Sebahagian pegawai-pegawai di PDHT, penghulu mukim dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) setempat adalah sebagai medan pengantara yang menyampaikan input serta objektif program dalam mengembangkan kebudayaan dan kesenian yang ada di Daerah Hulu Terengganu seterusnya memberi kesan positif kepada komuniti setempat.

- Program Explorasi Bukit Jalin Daerah Hulu Terengganu Tahun 2021

Selain daripada pegawai-pegawai PDHT, peserta yang turut hadir ke Program Eksplorasi Bukit Jalin adalah Penghulu Mukim dan JPKK Kampung Lebak. Program ini adalah bagi mempromosikan Bukit Jalin sebagai salah satu tempat pelancongan baru yang menarik di Daerah Hulu Terengganu.

Pihak urusetia PDHT mengakui teguran yang dibuat oleh pihak Audit berkenaan tiada kelulusan bertulis dibuat kepada JPLNT.

Pernyataan Audit	Pembayaran sejumlah RM12,200 adalah tidak teratur kerana tidak melibatkan komuniti setempat selaras dengan tujuan program dan tidak mendapat kelulusan daripada JPLNT dan PKN.
-------------------------	---

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan pembayaran melalui Akaun Pejabat Daerah. Sejumlah RM12,200 pembayaran telah dibuat oleh Pejabat Daerah Hulu Terengganu bagi maksud perbelanjaan yang tidak mendapat kelulusan daripada JPLNT dan PKN.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pembayaran melalui Akaun Pejabat Daerah teratur, pihak Audit mengesyorkan pihak Pejabat Daerah Hulu Terengganu mengambil tindakan penambahbaikan dan pembetulan seperti berikut:

- 6.1. memastikan perbelanjaan yang dilakukan selaras dengan matlamat/tujuan peruntukan yang disalurkan; dan
- 6.2. memastikan sebarang perubahan program perlu mendapat kelulusan daripada pihak yang menyalurkan peruntukan tersebut.